

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN

TARIKH : 30.03.2015 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a. jumlah bajet dan bilangan kakitangan bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk 5 tahun yang lepas dan yang dirancang bagi lima tahun akan datang; dan
- b. bilangan kes didakwa, bilangan kes disabitkan kesalahan dan jumlah wang rasuah yang terlibat.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Jawapan (a)

Tan Sri Yang di-Pertua,

Jumlah bajet SPRM bagi 5 tahun lepas adalah seperti berikut:

A. JUMLAH BAJET SPRM 5 TAHUN LEPAS

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
2011	202,800,000.00
2012	211,288,500.00
2013	258,348,000.00
2014	291,987,000.00
2015	287,301,001.00

Manakala jumlah bajet 5 tahun akan datang masih belum dapat ditentukan dan ia bergantung kepada keperluan pentadbiran dan operasi SPRM tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan ekonomi negara.

Bilangan kakitangan yang telah diisi pada 5 tahun yang lepas adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	JUMLAH PENGISIAN PERJAWATAN PEGAWAI SURUHANJAYA	JUMLAH PENGISIAN PERJAWATAN PEGAWAI GUNASAMA	JUMLAH PENGISIAN PERJAWATAN KESELURUHAN
1.	2011	1539	725	2264
2.	2012	1515	733	2248
3.	2013	1578	793	2371
4.	2014	1686	812	2498
5.	2015 (sehingga 23 Februari 2015)	1741	808	2549

Bagi perjawatan 5 tahun, perancangan pertambahan jawatan adalah sebanyak 150 pegawai setiap tahun sebagaimana yang telah dipersetujui oleh pihak Kerajaan sehingga mencapai 5000 perjawatan.

Jawapan (b)

Tan Sri Yang di-Pertua,

Tahun	Kes Yang Di Dakwa	Kes Selesai Perbicaraan	Kes Yang Disabitkan (selepas selesai perbicaraan)	Jumlah Nilai Rasuah Terlibat
2012	345	401	339	RM17,695,786.90
2013	318	315	265	RM6,984,615.16
2014	348	313	245	RM10,273,937.77

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah nilai rasuah yang terlibat ini adalah hanya melibatkan wang tunai sahaja. Ini tidak termasuk kes-kes yang melibatkan salah guna kuasa dan rasuah berbentuk perkhidmatan yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit.

Selain itu, tindakan-tindakan operasi SPRM juga telah membantu agensi-agensi kerajaan yang lain meningkatkan kutipan hasil negara, di samping mengelakkan ketirisan dan pemborosan yang berlaku seperti yang telah dilaporkan di media-media massa dan elektronik.

Sekian, terima kasih.